

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 23 MAC 2015(ISNIN)

SOALAN : Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis dan kadar bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada para nelayan dan petani yang menghadapi tragedi banjir bulan lepas di Sarawak dan di Kota Samarahan khasnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kejadian banjir luar biasa yang berlaku baru-baru ini di beberapa buah negeri turut menjelaskan sektor pertanian. Bagi membantu para nelayan dan petani yang terjejas akibat bencana banjir, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) ada menyediakan Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan bertujuan untuk memberi bantuan dan sumbangan segera dalam bentuk kewangan

kepada nelayan yang terlibat dengan kemalangan, kemasuhan atau kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa dan **Tabung Bantuan Bencana Agromakanan** untuk petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani yang mengalami kerugian hasil pertanian. Kedua-dua bantuan ini disediakan untuk semua negeri di Malaysia termasuk negeri Sarawak yang juga meliputi Kota Samarahan.

Kadar bagi kedua-dua bantuan ini adalah seperti berikut:

1) KADAR BANTUAN/SUMBANGAN TABUNG BENCANA ALAM NELAYAN

i) KEMALANGAN DIRI*

a) Khairat Kematian	RM4,000
b) Keilatan Kekal	RM4,000
c) Hilang Upaya Kekal	RM10,000
d) Masuk wad - 3 hari dan ke atas	RM1,000

ii) KEROSAKAN HARTA BENDA**

a) Bot	RM15,000
b) Sampan	RM6,000
c) Rumah	RM15,000
d) Pukat dan lain-lain peralatan menangkap ikan	RM3,000

iii) KEMATIAN BIASA*

a) Khairat kematian	RM2,000
---------------------	---------

* Dibayar sekiranya pesertia tidak menerima pampasan di bawah Skim Insurans Nelayan LKIM

** Jumlah tersebut adalah kadar maksimum

2) TABUNG BANTUAN BENCANA AGROMAKANAN

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Bantuan
BANTUAN TANAMAN		
1.	Bantuan Kerugian Hasil Padi <ul style="list-style-type: none"> • Pemberian maksimum : 3 hektar • Bagi padi yang tidak sempat dituai 	RM1,800.00 sehektar
2.	Bantuan Penanaman Semula Padi <ul style="list-style-type: none"> • Pemberian maksimum : 3 hektar • Bagi peringkat awal tanaman 	RM876.00 sehektar
3.	Bantuan Ihsan kepada pengusaha sayur-sayuran <ul style="list-style-type: none"> • Bantuan mengikut keluasan sebenar kemusnahan. • Had bantuan adalah maksimum 2 hektar. 	Minimum RM500.00 sehektar Maksimum RM2,000.00 sehektar.
4.	Bantuan Ihsan kepada pengusaha buah-buahan/ kontan <ul style="list-style-type: none"> • Bantuan mengikut keluasan sebenar kemusnahan. • Had bantuan adalah maksimum 4 hektar. 	Minimum RM500.00 sehektar dan maksimum RM1,000.00 sehektar.
BANTUAN TERNAKAN		
1.	Kerbau <ul style="list-style-type: none"> • Maksimum 10 ekor 	RM700.00 seekor
2.	Lembu/ rusa <ul style="list-style-type: none"> • Maksimum 10 ekor 	RM600.00 seekor
3.	Kambing/ bebiri <ul style="list-style-type: none"> • Maksimum 20 ekor 	RM150.00 seekor
4.	Ayam/ itik	RM5.00 seekor

	<ul style="list-style-type: none"> • Maksimum 100 ekor 	
5.	Puyuh <ul style="list-style-type: none"> • Maksimum 200 ekor 	RM2.00 seekor

BANTUAN PENGUSAHA AKUAKULTUR

1.	Kolam <ul style="list-style-type: none"> • Minimum: RM500 • Maksimum 2 hektar 	RM1,500.00 sehektar
3.	Sangkar/Kandang <ul style="list-style-type: none"> • Minimum: RM500 • Maksimum 12 petak 	RM200.00 sepetak
4.	Hatcheri <ul style="list-style-type: none"> • Maksimum 1 hatcheri 	Sehingga RM3,000.00/ hatcheri

BANTUAN INDUSTRI ASAS TANI

1.	Bantuan Industri Asas Tani	RM1,000/ Pengusaha
----	----------------------------	--------------------

Kementerian melalui Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak (MOMA) telah melaksanakan bancian di kawasan yang terjejas di Negeri Sarawak dan akan menimbaangkan kesemua permohonan yang diterima dalam masa yang terdekat agar para nelayan dan petani yang terlibat dalam memulakan semula projek mereka yang terjejas.